

Agong Solat Jumaat di Masjid putra, Putrajaya

Bernama

Jun 6, 2014

PUTRAJAYA, 6 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berangkat menunaikan solat Jumaat di Masjid Putra di sini.

Turut menyertai solat Jumaat yang diimamkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Dr Aseh Che Mat.

Tuanku Abdul Halim beserta lebih 15,000 jemaah turut mendengar khutbah bertajuk "Agama Dimartabat, Raja Didaulat" yang disampaikan Jamil Khir sempena ulang tahun keputeraan Seri Paduka, esok.

Ketika menyampaikan khutbah khas itu, Jamil Khir mengajak rakyat Malaysia agar hidup penuh mahabbah serta bersatu padu dengan menjunjung institusi Raja Berpelembagaan.

"Mimbar ingin menyatakan bahawa secara tersiratnya pengekaln institusi Raja-Raja Melayu di negara ini adalah satu kesinambungan mengekalkan identiti sebuah kerajaan Melayu Islam di tanah air sebagai warisan bangsa," katanya.

Bagaimanapun, katanya, sejak akhir-akhir ini wujud usaha terancang untuk menggugat dan mencabar kedudukan Islam dan hak kebebasan yang dibenarkan oleh agama Islam, yang bukan sahaja digerakkan oleh kelompok-kelompok tertentu dalam negara malah dari luar negara menerusi media baharu.

Kelompok berkenaan dengan jelas menganjurkan budaya kebebasan melampau atas nama perjuangan hak asasi dan menganjurkan anti diskriminasi yang bertopengkan di sebalik badan bukan kerajaan (NGO), katanya.

Justeru, katanya budaya melampau itu harus ditolak dan umat Islam juga dinasihatkan jangan terlibat dengan budaya kebebasan yang boleh melemahkan ummah dan menyesatkan.

"Bersatulah dengan hati yang ikhlas dan berpeganglah kepada aqidah dan syariat Islam yang sebenar," katanya.

"Kita amat bersyukur dan menjunjung kasih dalam suasana genting dan gawat, Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja telah berjaya mengurangkan ketegangan politik, menjaga keluhuran aqidah, adat istiadat orang Islam dan menjadi simbol perpaduan rakyat di negara ini," katanya.

Sehubungan itu, katanya, selaku rakyat yang berpayung di bawah pemerintahan Seri Paduka, hendaklah sentiasa memberi memberikan taat setia tidak berbelah bagi kepada pemerintah tertinggi negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1044137>